



The Observer

19.07.2019

TANDAKAN KALENDAR ANDA

**ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2018
AKAN DIADAKAN DI HOTEL MAJESTIC, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 31 JULAI 2019**

Kami berbesar hati ingin berkongsikan penemuan dan keputusan tahap Tadbir Urus Korporat syarikat tersenarai awam di Malaysia dan diikuti majlis penyampaian anugerah bagi mengiktiraf syarikat-syarikat yang menunjukkan tahap amalan tadbir urus korporat yang tinggi.

Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Tadbir Urus Integriti dan AntiRasuah telah bersetuju untuk merasmikan majlis dan menyampaikan ucaptama.

Tinggal hanya seminggu lagi, kami ingin memaklumkan bahawa semua tempat duduk sudah pun penuh. Kami ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelbagai organisasi dan syarikat di atas sokongan mereka yang luar biasa terhadap acara ini.

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG UNTUK TEMPOH 22 HINGGA 26 JULAI 2019

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
22.07.19 (Isnin) 09.30 pagi	CAB Cakaran Corporation Berhad (EGM)	CAB Cakaran Corporation Berhad, Seberang Jaya, Perai, Penang

22.07.19 (Isnin) 10.00 pagi	CYL Corporation Berhad (AGM)	Hotel Eastin, 13, Jalan 16/11, Pusat Dagang Seksyen 16, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
23.07.19 (Selasa) 09.30 pagi	AYS Ventures Berhad (AGM)	Pusat Konvensyen Setia City, No. 1, Jalan Setia Dagang AG U13/AG, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam, Selangor
25.07.19 (Khamis) 10.00 pagi	EUPE Corporation Berhad (AGM)	Nadia, Cinta Sayang Golf and Country Resort, Persiaran Cinta Sayang, Sungai Petani, Kedah Darul Aman
25.07.19 (Khamis) 10.30 pagi	Mintye Berhad (AGM)	Mintye Corporate Headquarters, Taman Perindustrian Air Keroh, Melaka
25.07.19 (Khamis) 11.00 pagi	Kim Loong Resources Berhad (AGM)	Amari Johor Bahru, No. 82C, Jalan Trus, Johor Bahru, Johor Darul Takzim
25.07.19 (Khamis) 11.00 pagi	Alliance Bank Malaysia Berhad (AGM)	InterContinental Kuala Lumpur, 165 Jalan Ampang, Kuala Lumpur
25.07.19 (Khamis) 11.00 pagi	Pantech Group Holdings Berhad (AGM)	Doubletree By Hilton Johor Bahru, 12, Jalan Ngee Heng, Johor Bahru, Johor
25.07.19 (Khamis) 11.30 pagi	Talam Transform Berhad (AGM)	Pusat Beli Belah Pandan Kapital, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur
25.07.19 (Khamis) 02.00 petang	Crescendo Corporation Berhad (AGM)	Amari Johor Bahru, No. 82C, Jalan Trus, Johor Bahru, Johor Darul Takzim

Salah satu perkara/ isu untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
CYL Corporation Berhad (AGM)	<p>Di bawah Nota 14 (halaman 69) Laporan Tahunan (AR) 2019, terdapat tumpuan risiko kredit yang ketara daripada jumlah yang terhutang oleh 4 pelanggan utama yang menyumbang 80% daripada jumlah penghutang perdagangan. Kami juga mendapati di halaman 81 AR2019, sejumlah RM42.82 juta (2018: RM48.57 juta) daripada pendapatan Kumpulan sebanyak RM53.45 juta (2018: RM58.63 juta) diperoleh daripada 4 pelanggan utama Kumpulan ini.</p> <p>(a) Adakah risiko tumpuan dalam portfolio pelanggan membimbangkan Syarikat?</p>

	<p>(b) Bagaimanakah Syarikat mengurus risiko tumpuan yang penting ini?</p> <p>(c) Adakah mana-mana jumlah terhutang oleh 4 pelanggan utama ini dirosotnilai?</p>
AYS Ventures Berhad (AGM)	<p>“AYS mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM21.127 juta dalam TK2019 iaitu RM11.527 juta lebih rendah daripada TK2018 iaitu sebanyak RM32.654 juta walaupun Syarikat merekodkan pendapatan yang lebih tinggi. Ini disebabkan oleh tekanan ke atas margin dengan kos barang yang lebih tinggi disebabkan oleh kenaikan harga pembelian produk keluli dan kos kewangan yang lebih tinggi disebabkan kemudahan perdagangan tambahan yang digunakan untuk keperluan modal kerja bagi pembelian saham dagangan” (Halaman 14 Laporan Tahunan 2019).</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah menangani kos barang yang dijual dan kos kewangan yang semakin tinggi dalam persekitaran operasi yang mencabar?</p>
EUPE Corporation Berhad (AGM)	<p>Dalam laporan Segmen Operasi di halaman 121 dan 122 Laporan Tahunan, segmen Lain-lain mencatatkan kerugian segmen sebanyak RM0.73 juta pada TK2019 berbanding keuntungan segmen sebanyak RM0.78 juta dalam TK2018.</p> <p>(a) Bahagian manakah daripada Segmen Lain-lain (termasuk sewa harta tanah, pengurusan kompleks, penanaman buah-buahan dan operasi tadika) yang menyumbang kepada kerugian pada TK2019 dan apakah angka perbandingan untuk TK2018?</p> <p>(b) Apakah langkah yang diambil untuk memulihkan bahagian yang mengalami kerugian?</p>
Mintye Berhad (AGM)	Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surat Pengerusi (Halaman 13), segmen pembuatan melaporkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.7 juta disebabkan oleh hapus kira stok produk tertentu.

	<p>Halaman 86 (Nota 17) Laporan Tahunan menyatakan, inventori dihapus kira meningkat dengan ketara daripada RM43,826 kepada RM1.78 juta.</p> <p>(a) Apakah inventori yang dihapus kira ini dan mengapakah terdapat peningkatan yang ketara?</p> <p>(b) Apakah dasar Kumpulan dalam mengekalkan tahap inventori dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan hapus kira yang besar seperti ini tidak berulang lagi?</p>
Kim Loong Resources Berhad (AGM)	<p>Fungsi audit dalaman Syarikat kini dilaksanakan oleh Syarikat berkuat kuasa dari 1.1.2019 dan bukannya oleh Kumpulan. Dinyatakan juga KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd ("KPMGMRCB") telah dilantik untuk melaksanakan audit dalaman berdasarkan risiko yang mana keputusannya dilaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Audit.</p> <p>(a) Mengapakah KPMGMRCB dilantik untuk melaksanakan audit dalaman berdasarkan risiko sedangkan Juruaudit Dalaman juga menjalankan kerja audit dalaman mereka menggunakan kaedah audit berdasarkan risiko seperti yang dinyatakan di halaman 43 laporan MCCG?</p> <p>(b) Berapakah yuran yang dibayar kepada KPMGMRCB? Adakah yuran audit dalaman berjumlah RM224,000 yang dinyatakan termasuk yuran KPMGMRCB?</p>
Alliance Bank Malaysia Berhad (AGM)	<p>Perkhidmatan Nasihat Korporat dan Broker Saham ("SBAS") mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM32.5 juta berbanding tahun kewangan berakhir 2018 disebabkan pendapatan pembrokeran yang lebih rendah dan rosot nilai muhibah yang timbul daripada unjuran aliran tunai yang lebih rendah daripada penilaian semula jangkaan prestasi perniagaan masa hadapan berikutan keadaan ekonomi dan perdagangan semasa. (halaman 109, Laporan Tahunan)</p>

	Bagaimanakah Syarikat mahu menangani pendapatan perniagaan yang lebih rendah dalam segmen SBAS?
Pantech Group Holdings Berhad (AGM)	<p><u>Bahagian Pembuatan</u></p> <p>a) Apakah kadar penggunaan kapasiti terkini untuk kilang-kilang Pantech?</p> <p>b) Syarikat menyatakan “Mesin tambahan baharu yang dipasang pada Disember 2018 meningkatkan lagi kecekapan pengeluaran sambil meningkatkan kepelbagaian jenis dan saiz. Kesan kapasiti penggunaan ini dijangka dapat diaplikasikan pada tahun kewangan akan datang” (Halaman 11 Laporan Tahunan 2019).</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Adakah Syarikat merancang untuk menggunakan mesin baharu pada TK2020? ii. Apakah impak kapasiti penggunaan dalam TK2020? Apakah sasaran peningkatan kapasiti dan kadar penggunaan yang ingin dicapai dalam tempoh beberapa tahun akan datang? <p>c) “Walaupun penasihat undang-undang PSI di Amerika Syarikat sedang mengambil semua langkah untuk menyelaraskan penentuan awal, kami mengambil langkah berhemat dengan mengurangkan output pengeluaran kilang daripada 90% kepada 30%” (Halaman 12 Laporan Tahunan 2019).</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Apakah status semasa tindakan undang-undang yang diambil di Amerika Syarikat? ii. Adakah output pengeluaran kilang kekal pada tahap 30% pada tahun kewangan yang akan datang?
Talam Transform Berhad (AGM)	Kumpulan melupuskan Cekap Mesra Development Sdn. Bhd. (“CMDSB”) dan Maxisegar Construction Sdn Bhd (“MCSB”) dengan balasan tunai masing-masing berjumlah RM5 dan RM1. (Halaman 137 Laporan Tahunan)

	<p>(a) Mengapakah syarikat-syarikat ini dilupuskan pada harga nominal yang rendah?</p> <p>(b) Siapa pembeli kedua-dua syarikat ini?</p>
Crescendo Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan merangkumi komponen kontrak pembinaan berjumlah RM0.51 juta dalam TK2019 berbanding RM4.4 juta dalam TK2018. (Halaman 126 Laporan Tahunan).</p> <p>(a) Mengapakah pendapatan kontrak pembinaan menyusut kepada RM3.9 juta atau 88.4% pada TK2019 berbanding TK2018?</p> <p>(b) Berapakah purata margin keuntungan kasar bagi kontrak pembinaan pada TK2019 dan TK2018?</p> <p>(c) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk mengatasi penurunan dalam kontrak pembinaan?</p> <p>(d) Apakah prospek pendapatan kontrak pembinaan Kumpulan pada TK2020?</p>

SENARAI PEMERHATIAN MSWG

ASIA MEDIA GROUP BERHAD

KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN TAHUNAN SYARIKAT BAGI TAHUN 2018 YANG MERANGKUMI PENYATA KEWANGAN YANG DIAUDIT DAN LAPORAN PENGARAH

Lembaga Pengarah Asia Media Group Berhad ("Amedia" atau "Syarikat") mengumumkan bahawa Laporan Tahunan yang merangkumi penyata kewangan tahunan yang diaudit bersama laporan juruaudit dan pengarah Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ("Penyata Kewangan/ Laporan Tahunan 2018 Belum Siap") masih belum bersedia untuk diterbitkan dan dikemukakan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan pemegang saham pada 19 Julai 2019 ("jangkaan tarikh dikeluarkan").

Laporan Tahunan 2018 kini dalam peringkat persiapan akhir. Syarikat menjangka untuk mengeluarkan atau mengemukakan Laporan Tahunan 2018 Yang Belum Siap kepada Bursa Malaysia Securities Berhad dan pemegang saham pada 2 Ogos 2019.

Pengumuman ini bertarikh 19 Julai 2019.

Sumber:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6228009>

MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD

LITIGASI MATERIAL

PERKEMBANGAN TERKINI (1) SAMAN SIVIL DALAM MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR DI ANTARA MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN BHD DAN AIRASIA BERHAD (2) SAMAN SIVIL DALAM MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR DI ANTARA MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN BHD DAN AIRASIA X BERHAD

Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad ("Syarikat") mengumumkan bahawa pada 18 Julai 2019, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memberikan ringkasan penghakiman yang memihak kepada Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd ("MA Sepang"), anak syarikat milik penuh Syarikat, dalam ketiga-tiga saman sivil yang difaiklan oleh MA Sepang terhadap AirAsia Berhad dan AirAsia X Berhad (secara kolektif, "AirAsia").

Ringkasan penghakiman ini adalah untuk jumlah besar iaitu RM40,728,327.50 dalam Caj Perkhidmatan Penumpang yang belum dibayar ("PSC") dan RM792,381.74 dalam Caj Pembayaran Lewat ("LPC") yang belum dibayar. Ringkasan penghakiman selanjutnya termasuk pengisyhtaran kepada AirAsia untuk membayar MA Sepang kadar PSC yang diwartakan dalam undang-undang.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga menolak permohonan yang difaiklan oleh AirAsia untuk membatalkan tiga saman sivil yang difaiklan oleh MA Sepang.

Pengumuman ini bertarikh 18 Julai 2019.

Sumber:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6227497>

HIBISCUS PETROLEUM BERHAD ("HIBISCUS PETROLEUM")

HIBISCUS PETROLEUM MEMBELI LEBIH BANYAK HAK MINYAK DAN GAS DI LAUT UTARA

Unit milik penuh tidak langsung Hibiscus Petroleum Bhd, Anasuria Hibiscus UK Ltd ("AHUK") telah menandatangani lembaran tempoh tidak mengikat dan bersyarat untuk memperoleh Lesen P2366, daripada United Oil & Gas plc ("UOG") dan Swift Exploration Ltd ("SEL") untuk US\$5 juta.

Blok ini terletak di luar pesisir pantai perairan British, 250km timur laut dari Aberdeen.

Sumber:

<https://www.nst.com.my/business/2019/07/505155/hibiscus-petroleum-buys-more-oil-and-gas-rights-north-sea>

MULTI SPORTS HOLDINGS LTD ("MSPORTS" ATAU "SYARIKAT")

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA MULTI SPORTS HOLDINGS LTD DAN SOUTHERN SCORE SDN BHD

Kami merujuk pengumuman Syarikat bertarikh 26 Jun 2019.

Lembaga Pengarah Multi Sports Holdings Limited memaklumkan bahawa MOU yang ditandatangani dengan Southern Score Sdn. Bhd. telah luput pada 5 Julai, 2019 dan Syarikat tidak membuat apa-apa permohonan untuk melanjutkannya. Syarikat akan meneruskan usahanya untuk meregularisasikan keadaan operasi dan kewangannya ("pelan regularisasi") dan akan membuat pengumuman jika ada apa-apa perkembangan.

Pengumuman ini bertarikh 15 Julai 2019.

Sumber:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6223929>

BERJAYA LAND BERHAD

CADANGAN MENGAMBIL ALIH 75% KEPENTINGAN DALAM ICELANDAIR HOTELS EHF, HLJOMALINDARREITUR EHF, BEBERAPA HOTEL LAIN DAN ASET HARTANAH

Lembaga Pengarah Berjaya Land Berhad ("B-Land") mengumumkan anak syarikat milik penuh yang diperbadankan di Ireland, Berjaya Property Ireland Limited ("BPIL" atau "Pembeli") pada 13 Julai 2019 di Reykjavik, menandatangani Perjanjian Pembelian Saham ("SPA") dengan Icelandair Group hf. ("Icelandair Group" atau "Penjual") untuk mengambil alih 75% kepentingan dalam Icelandair Hotels ehf ("Hotel Icelandair"), yang akan memperoleh 100% Hljomalindarreitur ehf ("Hljomalindarreitur") dan aset hotel dan harta tanah tertentu di Iceland selaras dengan Cadangan Penstrukturran

Semula PraPenutupan (seperti yang ditakrifkan di bawah), (secara kolektif disebut sebagai "Kumpulan Hotel Icelandair Baharu"), dengan balasan tunai berjumlah kira-kira USD53.63 juta (kira-kira RM222.03 juta*) ("Pertimbangan Belian") ("Cadangan Pengambilalihan").

Pengumuman ini bertarikh 15 Julai 2019.

Sumber:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6223609>

CHIN HIN GROUP BERHAD ("CHIN HIN")

CADANGAN PENYENARAIAAN ATLANTIC BLUE SDN BHD, SYARIKAT BERSEKUTU 45% MILIK CHIN HIN DALAM PASARAN ACE BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

Lembaga Pengarah Chin Hin mengumumkan Atlantic Blue Sdn Bhd ("ABSB"), sebuah syarikat bersekutu 45% milik Chin Hin, mencadangkan untuk disenaraikan dalam Pasaran Ace Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"), melalui sebuah syarikat tujuan khas, Solarvest Holdings Berhad ("SHB").

Sebagai sebahagian daripada Penyenaraian yang dicadangkan, SHB bercadang untuk mengambil alih keseluruhan modal saham ABSB untuk pertimbangan belian berjumlah RM26,261,600 ("Cadangan Pengambilalihan").

Pengumuman ini bertarikh 15 Julai 2019.

Sumber:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6223773>

SENARAI WASPADA MSWG

SYARIKAT PN17

1. APFT BERHAD
2. BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BERHAD
3. BERJAYA MEDIA BERHAD
4. BERTAM ALLIANCE BERHAD
5. BRAHIM'S HOLDINGS BERHAD
6. CHINA AUTOMOBILE PARTS HOLDINGS LIMITED
7. COMINTEL CORPORATION BHD
8. DAYA MATERIALS BERHAD

9. EKA NOODLES BERHAD
10. HB GLOBAL LIMITED
11. KINSTEEL BHD
12. KUANTAN FLOUR MILLS BERHAD
13. LONDON BISCUITS BERHAD
14. MAA GROUP BERHAD
15. MALAYSIA PACIFIC CORPORATION BERHAD
16. MAXWELL INTERNATIONAL HOLDINGS BERHAD
17. MULTI SPORTS HOLDINGS LTD
18. PERISAI PETROLEUM TEKNOLOGI BERHAD
19. SEACERA GROUP BERHAD
20. SUMATEC RESOURCES BERHAD
21. TH HEAVY ENGINEERING BERHAD
22. UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

SYARIKAT GN3

1. G NEPTUNE BERHAD
2. IDIMENSION CONSOLIDATED BERHAD
3. WINTONI GROUP BERHAD

Sila rujuk pautan di bawah untuk melihat status terkini syarikat-syarikat di atas:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/list-of-companies/pn17-and-gn3-companies/>

BERITA PENGAWAL SELIA

SGX REGCO MEMERLUKAN TAWARAN KELUAR YANG ADIL DAN MUNASABAH, PEMEGANG SAHAM MENGUNDI UNTUK MENGECAULIKAN PEMBERI TAWARAN DAN PIHAK BERSAMA

Sumber:

<https://www2.sgx.com/media-centre/20190711-sgx-regco-requires-exit-offers-be-fair-and-reasonable-shareholder-vote>

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2019 ('RANG UNDANG-UNDANG') TELAH DILULUSKAN DI DEWAN RAKYAT PADA 10 JULAI 2019.

RANG UNDANG-UNDANGINI BELUM DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGARA.

Sumber:

<http://www.ssm.com.my/Lists/Announcement/AnnouncementDetails.aspx?ID=127>

KENYATAAN DASAR KEWANGAN

Sumber:

http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_press&pg=en_press&ac=4878&lang=en

PERKEMBANGAN DAN BERITA DALAM NEGARA

MATRADE TEAMS UP WITH ITFC TO BOOST OIC COOPERATION

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/19/matrade-teams-up-with-itfc-to-boost-oic-cooperation/>

FITCH AFFIRMS MALAYSIA RATING AT A MINUS WITH STABLE OUTLOOK

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/18/fitch-affirms-malaysia-rating-at-a-minus-with-stable-outlook/>

MALAYSIA CAN EXCEED RM1 TRILLION TOTAL EXPORTS TARGET

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/17/malaysia-can-exceed-rm1-trillion-total-exports-target/>

MALAYSIA KEEPS AUGUST CRUDE PALM OIL EXPORT DUTY AT 0%

<https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-keeps-august-crude-palm-oil-export-duty-0>

MINISTER: MAJU HOLDINGS OFFERS TO TAKE OVER PLUS

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/16/minister-maju-holdings-offers-to-take-over-plus/>

KHAZANAH MADE HEALTHY PROFIT FROM SALE OF STAKE IN MALAYSIAN SHOAIBA

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/15/kazanah-made-healthy-profit-from-sale-of-stake-in-malaysian-shoiba/#WowVFWByICbT2iJc.99>

PERKEMBANGAN DAN BERITA LUAR NEGARA

U.S.-CHINA OFFICIALS DISCUSS TRADE; MNUCHIN EYES POSSIBLE IN-PERSON TALKS

<https://www.reuters.com/article/us-usa-trade-china/u-s-china-officials-discuss-trade-mnuchin-eyes-possible-in-person-talks-idUSKCN1UD1LU>

INDONESIA CENTRAL BANK MAKES FIRST RATE CUT IN ALMOST 2 YEARS

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/18/indonesia-central-bank-makes-first-rate-cut-in-almost-2-years/>

CHINA'S DEBT TOPS 300% OF GDP, NOW 15% OF GLOBAL TOTAL

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/18/chinas-debt-tops-300pct-of-gdp-now-15pct-of-global-total/>

SINGAPORE 2019 ECONOMIC GROWTH OUTLOOK LOWERED TO 2% BY IMF
<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/07/16/singapore-2019-economic-growth-outlook-lowered-to-2pct-by-imf/>

TRUMP SEES SLOWING CHINESE GROWTH PRESSURING BEIJING ON TRADE
<https://www.reuters.com/article/us-usa-trade-china/trump-sees-slowing-chinese-growth-pressuring-beijing-on-trade-idUSKCN1UA135>

MOST BIG COMPANIES FAIL TO REPORT ROLE IN DEFORESTATION, CHARITY SAYS
<https://www.reuters.com/article/us-climate-change-companies-deforestation/most-big-companies-fail-to-report-role-in-deforestation-charity-says-idUSKCN1UA2IW>

PASUKAN MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, devanesan@mswg.org.my
Siva Yamini, Ketua, Khidmat Korporat, yamini@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, banaik.quah@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pemangku Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, linnert.hoo@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, cheemeng@mswg.org.my
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, elaine.choo@mswg.org.my
Lim Cian Yai, Penganalisis Kanan, Pemantauan Korporat, cianyai@mswg.org.my
Nor Khalidah Mohd Khalil, Penganalisis, Pemantauan Korporat, khalidah@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali Hibiscus Petroleum Berhad dan Asia Media Group Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.

TAMAT./